

3AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : LOKAL

Jangkitan Covid-19 meningkat 3,781 kes

Kuala Lumpur: Kes jangkitan harian baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan peningkatan dengan 3,781 kes dilaporkan setakat malam kelmarin, berbanding 2,521 kes sehari sebelumnya.

Data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi laman sesawang KKMNOW menunjukkan daripada jumlah yang direkodkan itu, sebanyak 3,778 kes penularan tempatan de-

ngan tiga lagi adalah kes import.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah penularan Covid-19 di negara ini mencecah 4,937,534 kes sejak ia dikesan di negara ini.

Secara keseluruhannya, negara masih mempunyai 36,250 kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19, dan daripada jumlah itu sebanyak 95.1 peratus bersamaan 33,706 kes sedang da-

lam kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, terdapat 1,676 kes atau 4.7 peratus sudah mendapatkan rawatan lanjut di hospital, unit rawatan rapi (ICU), 28 kes dan 47 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

Mengikut laporan KKM-NOW, sembilan kes kematian akibat jangkitan berkenaan dilaporkan kelmarin dengan tiga daripadanya meninggal dunia di luar fa-

siliti kesihatan (BID).

Ia menjadikan sehingga kini jumlah angka korban di negara ini sudah mencecah 36,504 kes dengan 7,773 kes pula meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Bagi jumlah kes sembuh di negara ini, setakat kelmarin terdapat sebanyak 2,979 kes menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih daripada jangkitan berkenaan adalah 4,861,792 kes.